

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincang mengenai beberapa aspek yang berkaitan dengan metodologi kajian iaitu sumber data kajian, metod pengumpulan data, prosedur kajian, penganalisan data kajian serta masalah yang dihadapi sepanjang proses kajian dijalankan.

Data kajian ini dikumpul melalui metod pemerhatian (3.3.1), audio rekoding (3.3.2) dan catatan lapangan (3.3.3). Proses pengumpulan data bermula pada bulan Disember 2006 hingga bulan Januari 2008 iaitu sebanyak 45 lawatan dalam masa 270 jam.

3.2 Sumber Data Kajian

Pengkaji telah memilih salah sebuah rumah warga emas (rumah warga emas x) di Negeri Sembilan sebagai sumber pemerolehan data kajian. Rumah warga emas tersebut terletak 5 km dari Bandar. Ia merupakan sebuah rumah warga emas swasta yang dikendalikan oleh seorang bekas jururawat yang bertauliah. Tujuan pengkaji memilih rumah warga emas x sebagai tempat kajian adalah sebab penjaga di sini terdiri daripada pekerja yang berbilang kaum seperti Cina, Melayu, India dan Indonesia (lihat 3.2.2) walaupun majoriti (97.43%) warga emas merupakan warga kaum Cina. *Setting* seperti ini dapat mengukuhkan kerja pengutipan data di mana data yang dikutip bukan hanya terhad kepada satu bahasa atau dialek sesuatu kaum sahaja.


3.2.1 Spesifikasi Tempat Kajian

Rumah warga emas dalam kajian ditempatkan di sebuah rumah bungalow dua tingkat (60'x100') yang telah diubahsuai. Terdapat 6 buah bilik di tingkat bawah dan 3 buah


bilik di tingkat atas. Komposisi tingkat atas terdiri daripada 1 ruang tamu yang kecil, 1 tandas dan 3 buah bilik. Bilik 1A dan Bilik 2A di tingkat atas adalah untuk menempatkan warga emas yang telah uzur, tidak boleh berjalan dan tidak boleh bertutur. Bilik 3A adalah pejabat pentadbiran pengurus.

Komposisi tingkat bawah pula terdiri daripada 5 buah bilik, satu ruang tamu besar, satu ruang tamu kecil, satu ruang makan, satu dapur dan 5 buah tandas. Dua buah bilik besar adalah untuk menempatkan warga emas yang telah lumpur, mempunyai masalah pergerakan seperti kurang upaya untuk berjalan, tidak boleh menguruskan diri atau yang menghidap penyakit yang memerlukan jagaan khas. Bilik besar 1B diduduki warga emas lelaki dan bilik besar 2B oleh warga emas perempuan. Kedua-dua buah bilik besar ini boleh memuat 10 penghuni. Terdapat empat bilik sederhana besar iaitu satu bilik (bilik 3B) untuk warga emas lelaki yang menghidap penyakit kritikal seperti koma, menghidap penyakit kulit yang serius, menghidap penyakit asma yang serius. Dua bilik yang lain (bilik 4B dan 5B) adalah untuk warga emas perempuan yang tidak menghidap penyakit yang serius dan boleh menguruskan diri seperti makan ,minum dan ke tandas. Bilik 6B adalah bilik untuk penjaga Indonesia yang tinggal di dalam rumah warga emas.

Ruangan belakang rumah warga emas telah diubahhsuai untuk kegunaan dapur dan ruangan makan. Kawasan hadapan rumah adalah halaman depan untuk aktiviti senaman dan aktiviti luar warga emas. Kawasan sisi rumah juga cukup luas (15') untuk kawasan melakukan aktiviti seperti berjalan-jalan dan sebagai tempat untuk beristirahat (sila lihat Gambarajah 3.1).



Tingkat Bawah



Tingkat Atas

Gambarajah 3.1 Pelan Spesifikasi Tempat Kajian

3.2.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada penjaga dan penghuni iaitu warga emas. Kesemua 12 penjaga diambil kira sebagai sampel kajian. Ini adalah berlandaskan objektif kajian yang menfokus kepada kajian wacana penjaga. Daripada 39 penghuni rumah warga emas, seramai 23 warga emas dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel warga emas adalah berdasarkan keupayaan berkomunikasi. Hanya warga emas yang dapat berkomunikasi secara verbal dipilih sebagai sampel kajian. Oleh itu warga emas yang tidak dapat bertutur atau berkomunikasi dengan penjaga tidak dipilih sebagai sampel kajian. 16 warga tua yang sakit tenat serta tidak boleh berkomunikasi tidak dipilih sebagai sampel sebab tidak berlaku interaksi verbal antara penjaga dengan penghuni atau sebaliknya. Jumlah sampel kajian ditunjukkan di Jadual 3.1.

Jadual 3.1 Jumlah Sampel Kajian

SAMPEL	LELAKI				PEREMPUAN				JUMLAH
	C	I	M	IN	C	I	M	IN	
PENJAGA	-	-	-	-	4	3	1	4	12
WARGA EMAS	7	-	-	-	15	1	-	-	23
JUMLAH SAMPEL KAJIAN									35

*C = penjaga Cina

*I = penjaga India

*M = penjaga Melayu

*IN = penjaga Indonesia

Merujuk jadual 3.1 di atas, jumlah sampel adalah seramai 35 orang. Jumlah sampel kajian penjaga adalah 12 orang penjaga perempuan yang terdiri daripada kaum Cina, Melayu, India dan Indonesia. Sampel kajian warga emas terdiri daripada 7 lelaki dan 16 warga perempuan. Daripada jumlah 23 warga emas tersebut, 22 warga emas terdiri daripada kaum Cina, hanya terdapat seorang warga kaum India.

Julat umur antara penjaga adalah dari 30 tahun hingga 56 tahun. Penjaga yang terdiri daripada orang Cina, Melayu, India dan Indonesia adalah bilingual serta multilingual. Sila lihat jadual 3.2 berikut:

Jadual 3.2 Bahasa Dan Dialek Yang Digunakan Oleh Penjaga

Peranan	Kaum	Sub etnik	Agama	Bilangan	Bahasa Pertuturan
Pengurus	Cina	Hokkien	Kristian	1	Bahasa Inggeris Bahasa Melayu Bahasa Mandarin Dialek Hokkien Dialek Kantonis
Jururawat	Cina	Hokkien	Kristian	1	Bahasa Inggeris Bahasa Melayu Bahasa Mandarin Dialek Hokkien Dialek Kantonis
	Cina	Kantonis	Buddha	1	Bahasa Inggeris Bahasa Melayu Bahasa Mandarin Dialek Hokkien Dialek Kantonis
	India	Tamil	Hindu	1	Bahasa Inggeris Bahasa Melayu Bahasa Tamil
	Melayu		Islam	1	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris
Pekerja	India	Tamil	Hindu	2	Bahasa Melayu Bahasa Tamil
	Indonesia		Islam	4	Bahasa Indonesia Bahasa Melayu
Tukang masak	Cina	Kantonis	Buddha	1	Bahasa Melayu Bahasa Mandarin Dialek Hokkien Dialek Kantonis Dialek Hakka

Julat umur di antara warga emas adalah dari 65 tahun hingga 93 tahun. Daripada 23 sampel warga emas tersebut, 14 orang adalah monolingual (60.86%). Maklumat ringkas mengenai warga emas ditunjuk dalam Lampiran C.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Pemerhatian
- ii. Audio rekoding
- iii. Catatan lapangan

3.3.1 Pemerhatian

Pemilihan metod pemerhatian adalah untuk menghuraikan setting, aktiviti, subjek dan apa yang diperhatikan ke atas sampel kajian. Pengkaji menggunakan instrumen pemerhatian di samping menjalankan audio rekoding. Kaedah pemerhatian juga dapat mengkaji sesuatu fenomena secara mendalam serta membolehkan pengkaji melihat apa yang tidak disedari oleh subjek sample kajian atau apa yang tidak ingin dibincangkan oleh subjek sampel kajian yang diperhatikan (Patton 1990). Dengan menggunakan kaedah Pemerhatian Melibat Diri (*observation participant*), pengkaji menawar diri sebagai pembantu sukarela di rumah warga tua dalam masa yang tertentu. Tujuan pengkaji adalah supaya pengkaji dapat mendekati sampel kajian, mengelakkan rasa asing dan keadaan kekok (*unnatural*).

3.3.2 Audio rekoding

Rakaman audio dijalankan di kalangan sampel-sampel yang dipilih. Subjek sampel terdiri daripada penjaga dan warga emas. Interaksi perbualan di antara penjaga dengan warga tua dirakamkan dengan rekoder model *Sony IC Recorder*. Rakaman audio sebanyak 270 jam telah dijalankan dengan kebenaran sampel kajian.

3.3.3 Catatan lapangan

Semasa pemerhatian dijalankan, pengkaji menggunakan instrumen catatan lapangan untuk merekod mengenai apa yang dapat dilihat semasa pemerhatian dijalankan. Walaupun pengkaji menggunakan kaedah audio rekoding, catatan lapangan adalah sebagai pelengkap kepada instrumen audio rekoding. Ini adalah sebab melalui catatan lapangan semasa pemerhatian, pengkaji dapat menyemak data yang dikumpul secara audio rekoding yang kurang jelas atau kurang lengkap. Tambahan pula catatan lapangan dapat membantu ingatan ketika proses penyusunan dan transkripsi data (Lofland & Lofland 1984).

3.4 Prosedur Kajian

Pengkaji telah mengadakan lawatan awal ke rumah warga emas sebanyak satu minggu sebelum kerja pengumpulan data kajian dimulakan. Lawatan pada hari pertama adalah untuk meninjau beberapa perkara seperti kebenaran pihak pengurus, tempat kajian, maklumat mengenai pentabiran, maklumat penjaga dan warga emas serta masa yang dibenarkan untuk mengumpul data.

Lawatan pada hari yang berikut adalah untuk membuat tinjauan mengenai rutin harian dalam rumah warga emas, perihal sampel-sampel kajian untuk mendapat maklumat mengenai keadaan sebenar tempat kajian untuk tindakan susulan masalah yang akan atau perlu dihadapi. Lawatan awal ini bermula pada pukul 8 pagi hingga pukul 5 petang selama tujuh hari. Masa lawatan awal sebanyak 63 jam ini adalah tidak termasuk dalam tempoh masa audio rekoding. Tujuan lawatan awal ini adalah untuk mendapat maklumat yang lengkap mengenai tempat kajian dan juga rutin subjek kajian supaya proses pemerolehan data menjadi lebih lancar.

Setelah lawatan awal 7 hari, pemerhatian ke atas penjaga dan warga emas dimulakan. Perbualan di antara sampel-sampel diperhatikan dan dicatat. Audio rekoding dimulakan selepas kelulusan permohonan secara rasmi daripada pihak pengurus rumah warga emas serta persetujuan semua penjaga dan warga emas.

3.5 Metod dan Proses Penganalisan Data Kajian

Data catatan lapangan sepanjang proses pengumpulan data dan data audio rekoding selama 46 minit akan ditranskripkan. Data-data dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ditranskrip sekali sahaja iaitu secara terus dalam bahasa tersebut. Data-data yang terdiri daripada bahasa Mandarin dialek-dialek Cina akan ditranskrip dua kali. Transkripsi kali pertama merupakan sebutan Mandarin atau dialek asal yang ditranskrip dalam tulisan rumi dan transkripsi kali kedua adalah transkripsi yang diterjemah dalam Bahasa Melayu. Terdapat 3 jenis bahasa dan 3 jenis dialek yang digunakan dalam data kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3 Jenis-jenis penggunaan bahasa dan dialek dalam data kajian

Bahasa	Dialek
1. Bahasa Melayu	1. Dialek Kantonis
2. Bahasa Inggeris	2. Dialek Hakka
3. Bahasa Mandarin	3. Dialek Hokkien

Pengkaji berasa bersyukur sebab tidak mengalami masalah berkomunikasi dalam bahasa dan dialek yang digunakan di tempat kajian. Wacana Bahasa Tamil tidak wujud dalam data walaupun terdapat seorang warga emas dari kaum India (sila lihat Lampiran C). Ini disebabkan warga perempuan India (WPI 17) tersebut berpendidikan Bahasa Inggeris dan penjaga hanya berkomunikasi dengan beliau dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu sahaja. Latar belakang pengkaji yang berasal dari etnik Kantonis, berpengalaman sebagai guru Bahasa Mandarin (selama 12 tahun) serta kebolehan

menguasai Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan dialek-dialek seperti Hakka dan Hokkien telah menjadi kekuatan pengkaji dalam kerja pengumpulan data dan proses penghasilan transkripsi data. Walau bagaimana pun, pengkaji telah meminta bantuan beberapa orang guru bahasa yang berijazah dalam Pengajian Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu serta fasih dalam dialek Kantonis, Hakka dan Hokkien ketika prosedur mentranskrip data. Data yang telah ditranskrip oleh pengkaji disemak dan dibincangkan bersama guru bahasa tersebut secara berkumpulan untuk menghasilkan penganalisan kualitatif yang lebih tepat.

Keterangan mengenai situasi setiap perbualan ditulis di bahagian atas transkripsi perbualan. Simbol-simbol atau penanda ujaran yang digunakan dalam transkripsi kajian ini telah diubahsuai berpandukan simbol dan penanda ujaran “*System Jefferson*” (Atkinson & Heritage, 1984) dan “*Transcription Conventions*” (Ten Have, 1999) kerana sesuai untuk tujuan kajian ini dan mudah difahami. Simbol-simbol yang digunakan adalah seperti yang diterangkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4 Simbol-simbol Dalam Transkripsi

Simbol	Penggunaan
Times New Roman	Bahasa Melayu
Times New Roman	Bahasa Inggeris
Arial	Bahasa Mandarin
<i>Italic</i>	Penggunaan dialek Kantonis
<i>Italic</i>	Penggunaan dialek Hakka
<u><i>Italic</i></u>	Penggunaan dialek Hokkien
[]	bukan ungkapan; contoh: ketawa, penerangan, kesan bunyi, masa, penerangan yang diterjemah

Jadual 3.4, sambungan

...	Ungkapan yang belum habis dalam sesuatu ayat
:	Fonem yang dipanjangkan
HURUF BESAR	Meninggikan suara
<< >>	Intonasi tinggi
()	Tidak menjawab
=	Ungkapan bercantum, penutur yang kedua menyatakan ungkapan sebelum penutur pertama berhenti bercakap
(xxx)	Ungkapan yang tidak dapat ditranskrip
(())	Ungkapan seperti yang didengar, kurang pasti.

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif untuk menganalisis data yang telah ditranskripkan. Kaedah kualitatif menggabungkan data-data yang diperolehi dalam pemerhatian, audio rekoding dan catatan lapangan. Kaedah kuantitatif dilakukan untuk melihat ciri-ciri wacana serta kekerapan setiap ciri-ciri yang wujud. Data kuantitatif digunakan untuk menyokong dan mengukuhkan analisis kajian. Pengkaji akan menanya dan mendapatkan maklum balas daripada sampel kajian dalam proses memberi penghuraian dan interpretasi data sekiranya perlu. Tujuan pengkaji adalah supaya kerja penganalisan menjadi lebih tepat dan tidak dipengaruhi oleh pengkaji secara subjektif.

Nama subjek yang wujud dalam transkripsi merupakan nama samaran, bukan nama sebenar subjek. Nama julukan subjek dikekalkan dan tidak ditukarkan dalam transkripsi sebab nama julukan tersebut perlu digunakan oleh pengkaji sebagai bukti semasa menghuraikan analisis kajian.

Dalam huraian data kajian simbol : digunakan untuk mengasingkan nombor transkripsi dengan nombor giliran ungkapan dalam wacana. Contohnya Transkripsi 4:10 mewakili transkripsi 4, ungkapan ke 10 (di tandakan *) seperti contoh berikut:

Transkripsi 4		
WPC dan JC adalah orang yang sama di Data 3. JC memapah WPC membuat latihan berjalan.		
10*	WPC 3:	Sakit...
11	JC:	Mana sakit?
12	WPC 3:	Tulang.
13	JC:	Oh:! Tulang! Perlahan-lahanlah.

3.6 Masalah Yang Dihadapi

Terdapat data yang tidak jelas dan tidak dapat ditranskrip secara tepat. Contohnya pertuturan warga emas yang kurang jelas yang disebabkan oleh keuzuran dan keadaan kesihatan (strok atau masalah neuro). Ada juga data yang tidak jelas di mana perbualan sampel diganggu suara latar seperti bunyi heretan kerusi, bunyi radio, televisyen. Keadaan yang bising yang disebabkan kerja-kerja memperbaiki dan pengubahsuaian yang dijalankan pada tengah-tengah tempoh pengumpulan data juga mengganggu usaha audio rekoding. Gangguan seperti ini bukan sahaja mempengaruhi kualiti suara rekoding, juga melambatkan kerja pengumpulan data. Untuk mengatasi masalah tersebut, pengkaji merujuk semula catatan lapangan yang telah dibuat sepanjang masa pemerhatian dijalankan supaya tidak menjejaskan hasil data yang dikumpul.

Kekurangan interaksi verbal antara penjaga dengan warga emas menjadi satu masalah pada masa yang sama. Proses pengutipan data menjadi lambat dan memakan masa kerana komunikasi verbal yang kurang. Kadang-kadang pengkaji tidak mendapat

sebarang data sepanjang hari sebab hanya berlaku interaksi non-verbal kedua-dua pihak penjaga dengan warga tua. Penjaga tidak bercakap dengan warga emas contohnya mereka hanya menghulurkan bantuan atau menghidang makanan tanpa bercakap apa-apa. Kebanyakan masa warga emas hanya mendiamkan diri.

Dalam proses menjalankan metodologi kajian ini, perubahan dan tindakan susulan telah dilakukan untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan secara sempurna. Sepertimana yang dinyatakan oleh Marohaini Yusoff (2001), tugas seorang penyelidik adalah untuk mempamerkan realiti mengikut kefahaman penyelidik dengan dibantu oleh strategi pengumpulan dan penganalisan data yang difikirkan sesuai supaya perkara yang dikaji menepati realiti responden.

3.7 Kesimpulan

Bab ini telah mengemukakan metodologi kajian ini dari awal hingga akhir kajian. Kajian ini melibatkan 35 sampel kajian iaitu 12 penjaga dan 23 warga emas. Metod pemerhatian, audio rekoding dan catatan lapangan digunakan dalam proses pengumpulan data selama 270 jam. Data kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Penganalisan terhadap transkripsi data kajian akan dibincang dalam Bab 4.